

Jernian mahu wujud universiti berkembar

KUALA LUMPUR, Sela-
sa - Malaysia dan Jerman
hari ini setuju pada da-
sarnya untuk melaksana-
kan program universiti
berkembar, terutama di
bidang elektronik dan
perkomputeran dalam
teknologi pengeluaran
dan elektronik perindus-
trian.

Perdana Menteri, Da-
tuk Seri Dr Mahathir
Mohamad, berkata prog-
ram itu akan membantu
melahirkan lebih banyak
tenaga kerja mahir seja-
jar dengan keperluan ne-
gara untuk mencapai ta-
raf negara industri pada
2020.

Selain itu, katanya,
program itu sejajar de-
ngan matlamat kerajaan
mahu menjadikan negara
ini pusat pendidikan ting-
gi di rantau Asia-Pasifik.

"Seperti yang semua
maklum, kita mahu men-
jadikan Malaysia sebuah
pusat pendidikan tinggi.

"Saya percaya dengan
kerjasama kerajaan Jer-
man dan syarikat dari ne-
gara itu, kita berupaya
menubuhkan banyak ins-
titusi pengajian tinggi
yang akan memberi fae-
dah kepada kita dan pi-
hak lain," katanya.

Beliau berkata demik-
ian dalam sidang akhbar
bersama Menteri Kerja-
sama Ekonomi dan Pem-
angunan Jerman, Carl-
Dieter Spranger, selepas
merasmikan Institut Jer-
man-Malaysia (GMI) di
Taman Shamelin, Cheras
di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Men-
teri Perusahaan Awam,
Datuk Dr Yusof Nor dan
Pengerusi Mara, Datuk
Nazri Tan Sri Aziz.

Dr Mahathir berkata,
penubuhan institut kema-
hiran seperti GMI bertu-
juan mempertingkatkan
kemahiran rakyat dan
menukar aliran industri
berasaskan buruh kepada
industri berasaskan ke-
mahiran serta teknologi.

Menurutnya, kerjasa-
ma kerajaan Jerman bo-
leh dijadikan permulaan
kepada kerjasama de-
ngan negara lain di Ero-
pah bagi memindahkan
kemahiran dan teknologi
mereka kepada pendu-
duk tempatan.

Katanya, pelaksanaan
Dasar Pandang Ke Timur
tidak menjejaskan hubun-
gan dan kerjasama Ma-
laysia dengan negara Ba-
rat